



# UPNM

National Defence University of Malaysia  
Kewajipan • Maruah • Integriti

**Jabatan Pendaftar**  
Department of Registrar

Aras Bawah, Bangunan Canselori  
UPNM, Kem Perdana Sungai Besi  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 - 9051 3400

+603 - 9058 1536

pendaftar@upnm.edu.my

pendaftar.upnm.edu.my



Ruj. Kami : UPNM (P)01.03/06 Jld.2 (50)

Tarikh : 23 Februari 2021

## Seperti Senarai Edaran

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan,

### **EDARAN PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2021 – BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Merujuk perkara di atas dengan segala hormatnya.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar telah mengeluarkan Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2021 berhubung Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional / Ikhtisas Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

3. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling tersebut untuk makluman pihak Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan. Segala kerjasama Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

**FAZIELAH BINTI MOHAMAD**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

- 1) **YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Hasagaya bin Abdullah**  
Naib Canselor
- 2) **YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 3) **YBhg. Lt Kol Prof. Ts. Dr. Muhd Zu Azhan bin Yahya**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 4) **YBhg. Brig Jen Prof. Ir Dr. Hj. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara)**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 5) **YBhg. Prof. Dato' Dr. Jesbil Singh @ Jasbir Singh Sandhu**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)
- 6) **YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik**  
Penolong Naib Canselor (Pengurusan Projek dan Pembangunan Strategi)
- 7) **Encik Mohd Hairay bin Md Yusof**  
Bendahari
- 8) **Encik Mohammed Dzulkarnain bin Abdul Karim**  
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim
- 9) **Lt Kol Ir. Shahrul bin Sahusi (Bersara)**  
Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
- 10) **Lt Kol Prof. Madya Ariffin bin Ismail (Bersara)**  
Dekan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
- 11) **Kol Prof. Madya Dr. Khairul Amali bin Ahmad (Bersara)**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
- 12) **Lt Kdr Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Norsyarizad bin Razali TLDM (Bersara)**  
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
- 13) **YBhg. Brig Jen Prof. Datuk Dr. Hj. Adnan bin Hj. Abdullah**  
Dekan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
- 14) **Prof. Madya Dr. Norhana binti Abdul Halim**  
Pengarah, Pusat Asasi Pertahanan
- 15) **Prof. Madya Dr. Norshima binti Zainal Shah**  
Pengarah, Pusat Bahasa
- 16) **Prof. Dr. Aidy bin Ali**  
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
- 17) **Prof. Dr. Mohar bin Kassim**  
Pengarah, Akademi Kecergasan Pertahanan

- 18) Kol Sofian bin Kamaruddin (Bersara)**  
Felo Kanan  
Pengarah, Institut Pengajian Eksekutif UPNM (*NIEEd*)
- 19) Prof. Dr. Abdul Ghapor bin Hussin**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik
- 20) Lt Kol Hamzan bin Abdul Jamil (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi / CIO
- 21) Prof. Dr. Azizi bin Miskon**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- 22) Lt Kol (Ust) Dr. Hj. Daud bin Hj. Mohamed Salleh (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Islam
- 23) Mej Prof. Madya Ir. Dr. Razali bin Abidin (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (*CODRAT*)
- 24) Prof. Madya Dr. Hj. Hasan Al-Banna bin Mohamed**  
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan Data
- 25) Prof. Dr. Jowati binti Juhary**  
Pengarah, Penerbit UPNM
- 26) YBhg. Prof. Dato' Dr. Hamzah bin Ahmad**  
Pengarah, Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (*CDISS*)
- 27) YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus**  
Pengarah, Pusat Pentropikalan (*Centre for Tropicalization*)
- 28) Kapt Prof. Madya Ahmad Zaidi bin Sulaiman (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Pelajar
- 29) Prof. Madya Mohd Hazali bin Mohamed Halip**  
Pengarah, Pusat Keselamatan Siber (*Cyber Security*)
- 30) Kol Jamal Rodzi bin Dahari (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Wilayah Undang-Undang Tentera dan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (*CoMIHL*)
- 31) Lt Kol Prof. Madya Dr. Hj. Noor Azmi bin Hj. Mohd Zainol (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Penyelidikan Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana (*HADR*)
- 32) Lt Kol Prof. Dr. Victor Feizal b Knight Victor Ernest @ Abd Shatar (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Penyelidikan Pertahanan Kimia (*CHEMDEF*)
- 33) Prof. Madya Dr. Sayuti bin Ab Ghani**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Wakaf
- 34) Kept Prof. Dr. Hj. Zulkifly bin Mat Radzi TLDM (Bersara)**  
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Kecemerlangan Maritim

- 35) YBhg. Dato' Mohamad Akhtar bin Ahmad Zainudin**  
Felo Utama  
Pengarah, Pusat Program Akademik – Industri dan Antarabangsa
- 36) Puan Sarina binti Abdul Rani**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inovasi
- 37) Dr. Nur Surayya binti Mohd Saudi**  
Pengarah, Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)
- 38) Dr. Firdaus bin Baharuddin**  
Ketua, Pusat Kesihatan UPNM
- 39) Encik Mohd Fadhzil bin Zainol**  
Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik
- 40) Encik Zamsari bin Muhammad**  
Timbalan Pendaftar, Pejabat TNC Penyelidikan dan Inovasi
- 41) Encik Hairul Azuan bin Abas**  
Pegawai Keselamatan Kanan, Jabatan Pendaftar
- 42) Mej Mohammad Sani bin Desa (Bersara)**  
Pengurus Kenderaan, Jabatan Pendaftar



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (41)  
Tarikh : 23 Februari 2021

**Semua Staf**

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi  
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2021:  
BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2021 yang bersidang pada 10 Februari 2021 berhubung kelulusan menambah baik dasar sedia ada bagi **Pembayaran Yuran Keahlian Staf Dalam Badan Profesional / Ikhtisas Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.**

**2.0 PENGENALAN**

Pekeliling ini disediakan adalah untuk menerangkan dan menjelaskan mengenai peraturan bayaran yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas kepada semua staf di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

### 3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

#### 3.1 Syarat-Syarat Kelayakan

Pembayaran balik yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- 3.1.1 Pegawai hendaklah mempunyai kelayakan yang berkaitan dengan Badan Profesional / Ikhtisas yang dianggotai;
- 3.1.2 Pendaftaran dengan Badan Profesional / Ikhtisas adalah atas keperluan yang mewajibkan seseorang staf mendaftar bagi membolehkan staf mengamalkan profesionalnya;
- 3.1.3 Taraf perkhidmatan pegawai yang layak menuntut adalah pegawai bertaraf tetap, tetap (percubaan), pinjaman dan kontrak (*Contract of Service*) sahaja; dan
- 3.1.4 Tuntutan Yuran Pendaftaran / Yuran Tahunan / Pembaharuan Keahlian Badan Profesional adalah terhad kepada **SATU (1)** Badan Profesional / Ikhtisas (Dalam atau Luar Negara) dengan siling sebanyak **RM1,000.00 sahaja**.

#### 3.2 Jenis-Jenis Yuran Keahlian yang Dibenarkan

3.2.1 Universiti akan menanggung pembayaran balik yuran seperti berikut:

Perkara	Kekerapan bayaran
Yuran Pendaftaran	Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan di permulaan menjadi ahli sesebuah Badan Profesional / Ikhtisas.

Yuran Tahunan Keahlian / Yuran Pembaharuan Tahunan	Sekali setahun (pada tahun semasa sahaja)
---	--

3.2.2 Yuran Tahunan Keahlian / Yuran Pembaharuan Tahunan adalah **TIDAK** termasuk bayaran pemprosesan, langganan majalah / buletin, peperiksaan, keahlian perpustakaan dan seumpamanya.

#### 4.0 TATACARA TUNTUTAN PEMBAYARAN YURAN KEAHLIAN

4.1 Pegawai boleh mengemukakan permohonan bayaran balik yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas dengan menghantar borang PEND (HRM) 031 (Borang Tuntutan Elaun Yuran Keahlian Badan Profesional / Ikhtisas) yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar berserta:

4.1.1 Resit rasmi (asal) pembayaran yang dikeluarkan oleh badan profesional / ikhtisas yang berkenaan; atau resit cetakan komputer perlu disahkan benar terlebih dahulu; dan

4.1.2 Satu salinan sijil keahlian berserta dokumen yang berkaitan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.

4.2 Permohonan bayaran balik yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas hanya dibenarkan bagi tahun semasa sahaja dan tuntutan bayaran balik adalah berdasarkan kadar yuran sebenar atau yang berkelayakan sahaja.

## 5.0 SENARAI BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS

Senarai Badan Profesional yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- 5.1 Lembaga Jurutera Malaysia (BEM- Engineers Act 1967);
- 5.2 Lembaga Jururawat Malaysia (Nurse Act 1950);
- 5.3 Lembaga Kaunselor Malaysia (Counsellors Act 1998);
- 5.4 Institut Akauntan Malaysia (MIA – Accountants Act 1967);
- 5.5 Majlis Perubatan Malaysia (Medical Act 1967);
- 5.6 National Specialist Register (NSR);
- 5.7 Malaysia Dental Council (Dental Act 1971);
- 5.8 Pertubuhan Arkitek Malaysia (Architect Act 1967);
- 5.9 Lembaga Juruukur Bahan (Quantity Surveyors Act 1967);
- 5.10 Lembaga Pembantu Hospital (Hospital Assistance Registration Act);
- 5.11 Ahli Bar Malaysia dan Majlis Peguam (Legal Profession Act 1976);
- 5.12 Certificate in Logistics and Transport (CILT);
- 5.13 Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) (Akta 768);
- 5.14 Badan Profesional / Ikhtisas (dalam atau luar Negara) yang diiktiraf oleh Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) tertakluk kepada kaedah pelaksanaan di perenggan 3.0. Senarai Badan Profesional / Ikhtisas yang diiktiraf oleh eSisraf boleh diperolehi dalam laman web Agensi Kelayakan Malaysia ([www2.mqa.gov.my/esisraf](http://www2.mqa.gov.my/esisraf)); atau
- 5.15 Badan Profesional / Ikhtisas (dalam atau luar Negara) yang diiktiraf dan disenaraikan dalam mana – mana Pekeliling / Surat Pekeliling / Surat Arahan / Surat Edaran Kerajaan atau Universiti yang masih berkuat kuasa.



## **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling yang baharu ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2021**.

## **7.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2018 (Penambahbaikan Dasar Sedia ada dan Garis Panduan Tuntutan Pembayaran Yuran Keahlian Badan Profesional / Ikhtisas Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) adalah **dibatalkan**.

## **8.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1 Tahun 2021.

## **9.0 PENUTUP**

Kemudahan ini hanya terpakai kepada staf di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sahaja dan tidak boleh dipanjangkan ke organisasi atau pihak badan melantik yang lain.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**FAZIELAH BINTI MOHAMAD**  
Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia